

26/06/2003

Hari Finas harus jadi perayaan warga filem

Akmal Abdullah

KELMARIN adalah hari sambutan ulang tahun ke-22 Perbadanan Kemajuan Filem

Nasional Malaysia (Finas). Ia dipanggil Hari Finas. Maka pada hari itu diadakan acara mengumpul pegawai dan petugas Finas serta warga filem di Kompleks Studio Merdeka untuk mengimbuai kembali secara ringkas apa yang Finas lakukan untuk industri filem khususnya sepanjang tahun lalu.

Selain acara menyampaikan anugerah khidmat setia untuk pekerja Finas, juga diadakan bicara karyawan filem untuk memperingati seniman Allahyarham

M Amin yang meninggal dunia pada 8 Januari lalu. Finas turut mengabadikan

kenangan dengan meletakkan nama M Amin di Layar Bintang, bak Walk of Fame di Hollywood.

Pada sebelah malam pula Finas adakan acara penghargaan hadiah kepada pemenang pertandingan menulis skrip, rencana dan anugerah lain.

Sekurang-

kurangnya Hari Finas mampu menunjukkan kesungguhan Finas untuk merangsang

masyarakat supaya mendekati dan mencintai filem.

Namun, dilihat pada dasarnya, sambutan Hari Finas seperti 'hidup segan mati tidak mahu'. Sepatutnya warga filem, khususnya mereka di kalangan penerbit, pelakon, pengarah dan tenaga produksi yang berkait dalam segala

produksi perfileman harus bersama Finas meraikan Hari Finas. Malangnya, pada acara sebelah siang, hanya beberapa kerat pelakon yang datang serta beberapa muka veteran yang setia hadir tanda sokongan dan prihatin terhadap penubuhan Finas yang kini sudah berusia 22 tahun.

Tidak tahulah sama ada orang lain yang popular di majlis glamor tahu atau tidak mengenai majlis itu. Mungkin mereka tidak dijemput ke majlis itu. Namun apabila melihat satu acara khas untuk mengenang M Amin yang menjadi tokoh awal sejarah perfileman bangsa Melayu, agak sedih kerana warga filem terutama pengarah, pelakon dan petugas filem generasi baru yang kononnya bangga dengan seniman zaman silam tidak pula menampakkan batang hidung. Malah banyak orang kuat persatuan hiburan yang banyak bercakap pun tidak nampak bayang mereka. Mungkin mereka tidak tahu hal itu. Tetapi rasanya, kalaulah acara Hari Finas itu dibuat lebih berkesan dengan skala besar sebagai satu perayaan seperti Hari Guru, Hari Polis, Hari Peladang atau Hari Ibu. Rasanya tidak salah untuk menjadikan Hari Finas sebagai satu sambutan lebih bermakna yang dipanggil Hari Warga Filem.

Saban tahun Finas adakan Hari Finas untuk mengingati kewujudannya yang diilhamkan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kewujudan Finas untuk membantu dan memperkasa sektor perfileman Malaysia amat penting khususnya untuk membantu pengusaha dan penggiat Bumiputera. Finas menjadi agensi yang menyelenggara industri filem tempatan supaya lebih sistematik dan terpelihara. Biarpun imej dan mutu filem tempatan masih belum seberapa tetapi setidak-tidaknya Finas sudah banyak berjasa

untuk pertumbuhan industri filem tempatan.

Maka Hari Finas harus dilihat sebagai satu hari yang besar dan dijadikan perayaan tahunan untuk mempertingkatkan semangat warga filem itu sendiri. Tidak ada gunanya sekadar meriah di kalangan orang yang bekerja di Finas saja tetapi warga filem bagaikan tidak endah hari itu. Wajarlah hari Finas

juga disertai warga filem untuk turut berasakan ia adalah hari meraikan mereka sebagai insan seni yang bekerja dalam dunia filem. Ini tidak, apa yang dilihat kelmarin ia hanya bagaikan satu acara untuk suka-suka dan sekadar memperlekap diari tahunan agensi itu.

Di mana warga filem yang berjumlah beribu-ribu orang yang sepatutnya harus bersama meraikan Hari Finas dan melihat penghormatan kepada M Amin?

Tidak banyak juga media massa yang hadir untuk memberi liputan. Sama ada tidak berminat atau mungkin berasa meraikan Hari Finas tidak ada apa yang menarik, hakikatnya kita selalu mudah lupa untuk mengenang sejarah.

Perayaan Hari Finas harus bertolak pada kesedaran untuk mengangkat imej perfileman itu sendiri dengan seluruh warga filem harus berkumpul dan bersama meraikan hari betapa pentingnya satu agensi seperti Finas sudah banyak membantu filem tempatan. Pada masa sama, ia boleh dijadikan acara simbolik untuk meraikan warga filem itu sendiri.

Biarlah kita jadikan Hari Finas bagaikan satu perhimpunan besar-besaran warga filem, tidak kira sesiapa saja yang berkaitan dalam kerja perfileman. Daripada penerbit hingga kepada pemandu lori yang membawa props, hari Finas harus menjadi pemangkin untuk membina kesedaran supaya kita mencipta agenda lebih baik untuk akan datang. Seperti mana perhimpunan parti Melayu, Umno, baru-baru ini, tidak salah Hari Finas boleh diisi dengan pelbagai acara seperti simposium, karnival, pameran, tayangan khas dan ruang untuk masyarakat mendekati Finas.

Saya tertarik pada ucapan Ketua Setiuasaha Kementerian Penerangan, Datuk Seri Dr Arshad Hashim, yang berasa sesuatu harus dibuat untuk menjadikan Hari Finas lebih menarik dan diraikan warga kota. Memang betul, filem tempatan ditayang di seluruh negara tetapi fungsi Finas kelihatan sekadar di Hulu Klang. Perayaan untuk warga filem sempena Hari Finas boleh dibawa ke sekitar Lembah Klang secara meluas, bukannya setakat di Hulu Klang, lokasi terletaknya ibu pejabat Finas.

Alang-alang hendak dihargai, biarlah dikenang sampai mati...